



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

Merujuk kepada laporan oleh portal Malaysiakini bertarikh 21 Julai 2017 bertajuk “Kes Pegawai Kanan dibawa kembali ke mahkamah majistret” dan “*CJ directs RTD Deputy DG's case sent back to magistrate's court*” mengenai kes Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Datuk Yusoff Ayob, berikut merupakan kenyataan rasmi daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia berkenaan perkara tersebut.

Adalah dimaklumkan bahawa laporan portal Malaysiakini yang menyebut bahawa “Ketua Hakim Negara Md Raus Sharif **mengarahkan** kes trafik Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Pengangkutan Jalan diremit semula ke Mahkamah Majistret” adalah **tidak benar**.

Adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan laporan berita di media mengenai kes tersebut, Y. A Pesuruhjaya Kehakiman Dato’ Indera Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman menjalankan kuasa semakannya menurut Seksyen 323 Kanun Tatacara Jenayah ke atas keputusan Majistret Putrajaya bertarikh 18 Julai 2017. Seksyen 323 Kanun Tatacara Jenayah menyatakan:

**KUASA MEMANGGIL REKOD MAHKAMAH RENDAH**

**323. (1)** Seorang Hakim boleh memanggil dan memeriksa rekod mana-mana prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah Rendah Jenayah untuk tujuan memuaskan dirinya tentang kebenaran, kesahihan atau kesesuaian apa-apa dapatan, hukuman atau perintah yang direkodkan atau diluluskan, mengenai ketetapan apa-apa prosiding dari Mahkamah rendah itu.

Semakan kes tersebut telah ditetapkan pada 21 Julai 2017 di hadapan Y.A Pesuruhjaya Kehakiman Dato' Indera Haji Ab. Karim bin Ab. Rahman dan telah diputuskan bahawa sabitan dan hukuman Majistret diketepikan dan kes dikembalikan semula ke Mahkamah Majistret untuk dibicarakan di hadapan Majistret yang lain pada 25 Julai 2017.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**TARIKH : 22 JULAI 2017**